



Tahun 1. No. 17

DITERBITKAN OLEH PEJABAT PENERANGAN  
DUA KERAJAAN BRUNEI  
KALI SABULAN

16 OCTOBER, 1956.

### PENUBOHAN KERAJAAN TEMPATAN DITANGGOHKAN

DULI YANG MAHA MULIA SULTAN dalam Majlis Mashuarat Negeri telah meluluskan Undang2 Majlis2 Mashuarat Tempatan 1956 pada 9 February, 1956, tetapi telah meninggalkan perkara menetapkan tarikh yang Undang2 itu akan mulai berjalan kuat kuasanya kepada Yang Berhormat British Resident, Brunei.

Telah diharapkan bahawa badan2 Kerajaan Tempatan akan menjadi sebagai satu tempat latehan dalam hal ehwal Perkhidmatan Awam, pertadbiran dan keuangan, dari mana Duli Yang Maha Mulia akan dapat peluang memileh sabilangan daripada penasehat2 Negeri ini pada masa kehadapan untuk berkhidmat kepada majlis2 mashuarat yang telah diharapkan oleh Duli Yang Maha Mulia untuk diperluaskan dan dikuatkan dimasa Perkembangan Perlembagaan Negeri ini.

Duli Yang Maha Mulia telah, dari samenjak beberapa bulan yang lalu menerima perwakilan2 dari beberapa golongan penduduk2 diNegeri ini menyatakan bahawa mereka tidak gemar hendak mengambil bahagian dalam sebarang chara Kerajaan Tempatan pada masa sekarang. Baginda berasa sangatlah kechewa bahawa langkah yang penting saperti tersebut telah tidak mendapat sambutan baik yang diharapkan.

Kerajaan Tempatan adalah mengakui bahawa orang ramai berhak mengambil bahagian dalam hal ehwal pertadbiran mereka sendiri, melalui wakil2 yang dipilih oleh mereka sendiri, dan dapatlah ditegaskan dengan sajelasnya bahawa menurut asas2 demokrasi tidaklah boleh dipaksa penerimaan Kerajaan Tempatan keatas orang ramai yang tidak suka menerimanya.

Oleh itu, Kerajaan Duli Yang Maha Mulia, dengan terpaksa, telah mengambil keputusan menanggohkan pengelaksanaan kuat kuasa Undang2 tersebut sahingga ka satu masa kelak yang penduduk2 diNegeri ini sadar bahawa Kerajaan Tempatan adalah satu langkah untuk berkerajaan sendiri, dan sabahagian yang mustahak bagi memajukan kebangsaan yang mereka sangat2 kehendaki.

### LAWATAN DYMM SULTAN KA BORNEO UTARA

Duli Yang Maha Mulia Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah berangkat ka Jesselton, Borneo Utara, dengan kapal terbang pada pagi hari Rabu 10 October, 1956 dalam satu lawatan yang tidak rasmi. Semasa berada disana Baginda telah menjadi tetamu kapada Governor Borneo Utara, Tuan Yang Terutama Sir Roland Turnbull.

Baginda telah diiringi oleh British Resident, Brunei, Yang Berhormat Mr. D.C. White; Setia Usaha Sulit kapada Baginda, Yang Berhormat Pehin Dato' Perdana Menteri Haji Ibrahim bin Jahfar dan Pengiran Anak Chuchu; dan telah selamat tiba balek ka Brunei pada 12 October.

PERSIDANGAN DAERAH2 BORNEO BRITISH DIKUCHING

Persidangan Yang Ketujoh Wakil2 dari Daerah2 Borneo British mengandungi Brunei, Sarawak dan Borneo Utara telah dilangsangkan diKuching pada hari Juma'at 28 September, 1956 dan telah diPengurusikan oleh Pesuroh Jaya Agong Tenggara Asia, Tuan Yang Terutama Sir Robert Scott.

Wakil2 dari Brunei yang telah menghadziri Persidangan tersebut ialah: Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei, Sir Omar Ali Saifuddin; British Resident Brunei, Yang Berhormat Mr. D.C. White; Wazir Yang Kedua Negeri Brunei, Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha; dan Setia Usaha Sulit kapada Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei, Yang Berhormat Pehin Dato' Perdana Menteri Haji Ibrahim bin Jahfar.

Lain2 Wakil2 yang hadzir diPersidangan itu ialah dari Sarawak: Governor Sarawak, Tuan Yang Terutama Sir Anthony Abell; Chief Secretary Sarawak, Mr. J.H. Ellis; dan Mr. Ong Kee Hui, saorang Ahli Tidak Rasmi Majlis Mashuarat Negeri Sarawak. Wakil2 dari Borneo Utara, Yuan Yang Terutama Sir Roland Turnbull; Chief Secretary Borneo Utara, Mr. R.N. Turner; Setia Usaha Hal Ehwal Orang2 China dan juga Setia Usaha Pertadbiran Kerajaan Tempatan, Mr. G.L. Gray; Pesuroh Jaya Police Borneo Utara, Mr. J.B. Atkinson; dan Mr. J. Mitchell, saorang Ahli Majlis Mashuarat Undangan. Salain daripada Tuan Yang Terutama Sir Robert Scott, dua orang lagi telah mewakili Pejabat Pesuroh Jaya Agong Tenggara Asia, iaitu Mr. Angus MacKintosh, Timbalan Pesuroh Jaya Agong Tenggara Asia dan Mr. J.A. C. Cruishank. Dua orang Wakil2 dari Sharikat Minyak, The British Malayan Petroleum Company Limited, Seria telah juga menghadziri Persidangan itu.

Persidangan tersebut telah membinchangkan beberapa perkara yang mustahak mengenai ketiga2 Daerah tersebut, diantaranya adalah mengenai kemajuan perhubongan diantara Pejabat2 Kerajaan diketiga2 Daerah itu yang telah dichapai, daripada masa Persidangan Wakil2 Daerah tersebut pada bulan January tahun ini, iaitu mengenai berbagai2 perkara termasuk Pertanian dan Perhutanan; Penerangan Awam; Pelajaran; Penerangan dan Pancharan Radio; Buruh dan Kebajikan Masyarakat; Kerajaan Tempatan; Keuangan; Kesihatan; Perniagaan dan Customs; serta lain2 perkara yang mustahak.

Salain daripada perkara2 tersebut, Persidangan itu telah juga merundingkan perkara mengenai ranchangan2 yang akan dijalankan mengenai latehan Guru2 dan kelengkapan buku2 bachaan dan pelajaran2 untuk Sekolah2.

Persidangan itu berasa gemar melihat keadaan perhubongan yang rapat diantara ketiga2 daerah itu mengenai masaelah Pertanian, Perhutanan dan Kesihatan; dan telah mengambil perhatian mengenai masaelah keuangan yang akan dijalankan bagi mengadakan wang khas untuk kawasan2 Borneo British, sebagai menggantikan wang Malaya dan Borneo British yang sedang digunakan pada masa ini, dengan tertubohnya sebuah Pusat Bank diMalaya pada masa kehadapan kelak.

Lain2 perkara yang telah dirundingkan dalam Persidangan tersebut adalah saperti berikut: Membeli perbekalan perubatan oleh ketiga2 Daerah tersebut; penyiasatan mengenai Ilmu pengetahuan zaman purbakala; perkhidmatan Sekolah2 Gambar diketiga2 Daerah tersebut; latehan Pegawai2 Pertanian dan Perhutanan; perhubongan Police diantara kawasan2 Borneo British ; serta pertaliannya dengan perkhidmatan Police Persekutuan Tanah Melayu.

Wakil2 tersebut telah bersetuju akan mengadakan Persidangan mereka yang kedelapan kira2 enam bulan lagi.

## RANCHANGAN PERKEMBANGAN NEGERI BRUNEI

Brunei sangatlah berasih baik oleh kerana kekayaannya adalah terjamin untuk beberapa tahun oleh telaga2 minyak yang diketahui diSeria; dan salain daripada banyaknya kerja2 penyelidekan keadaan bumi yang telah dijalankan oleh British Malayan Petroleum Company Limited. banyak lagi yang maseh hendak dibuat dan beberapa bahagian besar Negeri ini maseh berkehendakkan diselidek. Demikian antaranya bunyi Penyata Perkembangan Negeri Brunei yang telah ditorbitkan oleh pehak Kerajaan Brunei baharu2 ini.

Satu daripada kesukaran2 yang besar yang menghalang segi2 Ranchangan Perkembangan ini, menurut Penyata tersebut, ialah kekurangannya bahan2 batu untuk pembangunan rumah dan pembinaan jalan raya. Sabagai yang diketahui, hanya sedikit sahaja hasil2 yang lain daripada galian minyak yang didapati diBrunei, dan hasil galian arang batu diMuara (Brooketown) sudah pun habis dikerjakan.

Oleh itu, satu penyelidekan hal ehwal bumi akan dijalankan oleh seorang ahli bumi daripada Jabatan Perkhidmatan Penyelidekan Bumi Bersama, yang mempunyai pejabatnya diKuching.

Tidaklah diharapkan yang galian2 yang luar biasa atau yang berharga akan dijumpai dengan beberapa banyaknya, tetapi keterangan2 yang diperolehi akan memberi pertolongan yang besar kapada kerja2 Jabatan Pertanian, dan akan berfaedah kapada penyelidekan2 tanah

Jumlah wang yang disediakan kerana maksud ini ialah \$ 130,000 dan kerja penyelidekan ini akan dimulakan dalam awal tahun 1957.

Sabagaimana yang diketahui oleh umum, bahawa dalam negeri2 yang belum lagi chukup kembang, segala Ranchangan2 Perkembangan hendaklah didasarkan atas penyelidekan2 yang halus darihal hasil2 pengeluarannya dan kemudahan2 yang didapati, dan perancangan ekonomi yang tidak mengadakan keterangan2 tersebut akan menimbulkan kesukaran2 yang amat sangat.

Ranchangan Kebajikan Masharakat seperti pelajaran dan perubatan boleh berjalan terus, tetapi ini semua sabaleknya mengharapkan bagi melaksanakannya kaatas ekonomi yang membantunya.

### T A N A H

Satu daripada masaelah2 diBrunei, sarupa juga dilain2 tempat diBorneo, ialah pertanaman yang beralih2 dan kerugian tanah yang disebabkan oleh chara2 bertani yang tidak baik. Satu penyelidekan tanah adalah sangat2 dikehendakki dengan segera, supaya ia dapat dibagi2kan dan kelemahan2 tanah itu diketahui.

Sabagai yang diketahui diBrunei tidak ada tanah yang subor, dan usaha2 berchuchok tanam yang baik pada masa akan datang akan mengharapkan penggunaan baja2; masaelah ini adalah bertalian dengan penggunaan tanah dan pemindahan baharu.

### KAMPONG AYER DAN PEMINDAHAN

Ranchangan Pemindahan diBrunei dimulakan pertama sakali bagi memindahkan orang2 dari Kampong Ayer, sebuah kampong yang dudoknya disaberang Pekan Brunei, kadar atau pun supaya mereka menjadi ahli2 tani. Ranchangan2 sarupa ini tidaklah boleh dikatakan baharu, sebab dalam tahun 1909 ada dinyatakan - "Banyak kemajuan yang belum telah dibuat dalam masa satu tahun ini dalam usaha menggalakkan orang2 Brunei meninggalkan tempat2 mereka pindah kadar yang berhampiran. Dalam tahun 1908, ternyata tidak akan berjaya pujuhan2 yang dikeluarkan kepada mereka. Sunggoh pun mereka mengaku yang mereka akan lebuh baik tinggal didarat, dimana mereka dapat berchuchok tanam dikawasan2 mereka dan menternak ayam dan binatang2, tetapi mereka takut jika rantai keturunan mereka itu pecah. Orang2 perempuannya adalah satu penghalang yang besar sekali. Banyak daripada penduduk2 itu berkata ...

penduduk2 itu berkata mereka akan pindah hanya jikalau isteri2 mereka membenarkan mereka. Dalam perkara ini tidak ada sasauatu pun yang boleh dibahathkan dengan isteri2 mereka".

Saorang pakar dalam tawarikh Borneo telah memberi fikirannya bahawa Kampong Ayer telah memang berada sakurangnya 900 tahun. Orang2 yang duduk disitu, oleh itu tidak akan dapat dipindahkan ke lain tempat dalam satu kurun; perubahan itu akan mengambil masa yang lama. Duli Yang Maha Mulia Sultan (Almerhom Sultan Sir Mohamad Jemal-ul-Alam, K.C.M.G., Sultan Brunei Yang Kedua Puloh Enam, iaitu ayahanda kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei sekarang ini, Sir Omar Ali Saifuddin, D.K., S.P.M.B., K.C.M.G. - Pengarang P.B.) pun baharu sahaja pindah kadar dari Kampong Ayer pada tahun 1909.

Dalam Ranchangan Perkembangan, tiga Ranchangan2 Pemindahan di tiga kawasan telah dijalankan hingga ka masa ini, iaitu:

(1) Kawasan Pemindahan diBerakas mengandungi kawasan yang luasnya 44 ekar berdekatan Padang Kapal Terbang. Disini penduduk2 itu telah diberikan kawasan2 tanah sabesarkan  $\frac{1}{4}$  ekar. Kawasan2 ini telah diberikan kapada mereka yang tidak berhajat berchuchok tanam, tetapi aka meneruskan pencharian hidupnya yang biasa. \$ 45,000 telah disediakan kerana ranchangan ini.

(2) Kawasan Simpang Muara mengandungi 700 ekar. Tempat ini 4 batu dari Pekan Brunei, dan disini penduduk2 diberi 2 ekar pada orang yang dapat digunakan untuk berchuchok tanam. \$ 121,400 telah disediakan kerana ranchangan ini.

(3) Ranchangan Pemindahan Jerudong yang letaknya diantara jalur raya Brunei - Tutong diJerudong dan laut. Penduduk2 dikawasan ini akan diberi satu atau dua kawasan yang besarnya 3 ekar pada tiap-tiap satunya, dan \$ 16,000 telah disediakan kerana membuat jalan2 kecil yang akan membahagikan kawasan ini.

Dalam kedua2 ranchangan yang pertama, salain daripada diberi tanah perchuma, penduduk2 itu telah dibayar:

Sabelum pindah \$ 100.00; terdirinya tiang2 rumah ditempat itu \$ 100.00; apakala siap rumah itu \$ 100.00; dan bantuan sabanyak \$105.00 salama satu bulan sementara dijalankan pemindahan, \$ 3.50 sahari. Jumlah yang telah dibayar kapada penduduk2 itu ialah sabanyak \$ 405.00.

Tawaran2 yang diatas ini banyak sudah diminta oleh pehak2 yang berkehendakkannya, dan telah pun habis tanah2 dibahagikan kapada mereka. Malangnya ranchangan2 ini terpaksa dijalankan oleh Pegawai2 yang tidak chukup bilangannya, dan banyak orang2 yang ingin hendak mendapatkan tanah. Selanjutnya, maka menurut pengalaman dengan ranchangan2 ini banyak kebaikan2 tambahan yang boleh dibuat dalam ranchangan2 yang akan datang. Yang diperlukan ialah supaya kawasan2 itu dibataskan baik2 untuk tempat mendirikan rumah, dan kawasan tanah yang chukup bagi melahirkan menanam tanam2an yang ditukar2 atau mengelarkan bagaimana hendak menggunakan baja2 supaya tanah itu boleh digunakan untuk mengadakan parit dan ayer yang chukup, dan kawalan kesihatan yang semporna.

Kesemuanya itu akan memakan belanja yang lebih banyak, dan akan mengambil masa. Kesukaran2 berhubung dengan kekurangannya Pegawai2 pada beberapa masa yang terdahulu nampaknya saakan2 tidak dapat diatasi, tetapi dalam beberapa bulan yang baharu ini beberapa pertukaran yang baik telah dapat dijalankan. Perkara yang telah menukar keadaan itu dalam beberapa bulan yang baharu ini adalah:

Kemungkinan timbulnya satu telaga minyak yang dapat dikerjakan diJerudong; Ranchangan Pelabuhan Muara; dan kebolehan mendapatkan sabuh Sharikat Civil Engineering dengan pengalaman yang lama dalam keadaan2 diMalaya, yang boleh menjalankan penyelidikan2, pemerekesan2 tanah, dan peranchangan pemindahan.

PEGAWAI2 PERTADBIRAN BRUNEI BALEK DARI U.K.

Inche' Abbas bin Haji Ibrahim dan Inche' Ajmain bin Abdul Razak, dua orang Pegawai2 dari Perkhidmatan Negeri Brunei telah balek ka Brunei dari United Kingdom baharu2 ini satelah mempelajari Kursus Pertadbiran Awam diUnited Kingdom atas perbelanjaan perchuma dari Kerajaan Brunei.

Inche' Abbas ialah Juru Iring kapada Duli Yang Maha Mulia Sultan, dan Inche' Ajmain berkhidmat sebagai Penolong Pegawai Penempatan Negeri Brunei. Kedua2nya itu telah berangkat dari Brunei ka United Kingdom pada 26 April, 1956 dan telah balek ka Brunei pada 17 September.

Dalam masa peninggalan Inche' Abbas, jawatan Juru Iring kapada Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei telah dipangku oleh Pengiran Omarali bin Pengiran Bendahara Anak Abdulrahman, saorang Pegawai diPejabat Tanah, Bandar Brunei.

Inche' Abbas telah memegang jawatannya semula mulai dari 18 September, dan Inche' Ajmain telah berkhidmat diPejabat Tanah, Bandar Brunei, menjalankan satu pekerjaan yang khas mulai dari 26 September, 1956.

DUA ORANG LAGI GURU2 BRUNEI BERANGKAT KA U.K.

Pengiran Hidup bin Pengiran Hashim, saorang Guru Kumpolan diSultan Omar Ali Saifuddin College, Bandar Brunei dan Inche' Kifli bin Bujang, Guru Bahasa Inggeris diGovernment English School, Seria telah berangkat dari Brunei ka Labuan dengan kapal terbang baharu2 ini dan dari sana mereka telah berangkat ka Singapura dalam perjalanan mereka ka United Kingdom.

Kedua2 Guru tersebut telah diberi hadiah pelajaran perchuma oleh Kerajaan Brunei untuk menuntut pelajaran diUnited Kingdom. Mereka akan belajar selama satahun diInstitute of Education, London University, dalam bahagian Mengajar Bahasa Inggeris sebagai satu Bahasa Asing.

Inche' Mohamed Jamil bin Omar, Penyelia Kebun2 Sekolah, Brunei dan Inche' Sunni bin Idris, Pemangku Guru Bahasa Inggeris diSultan Omar Ali Saifuddin College, Bandar Brunei telah berangkat ka United Kingdom terlebeh dahulu atas perbelanjaan perchuma dari Kerajaan Brunei.

Inche' Mohamed Jamil akan mengambil kursus mempelajari Hal Ehwal mengenai Luar Bandar diCity of Worcester Training College selama satahun, manakala Inche' Sunni pula akan mengambil kursus selama dua tahun diMaktab Latehan Guru2 diKirkby untuk mendapat Sijil Kementerian Pelajaran Guru2 Bahasa Inggeris.

PENGETUA BAHARU MAKTAB LATEHAN GURU2 MELAYU BRUNEI

Mr. James Pearce, bekas Pegawai Pelajaran Negeri Brunei telah dilantek menjadi Pengetua baharu Pusat Latehan Guru2 Melayu Brunei menggantikan tempat Mr. P. Spicer.

Bekas Pengetua Pusat Latehan Guru2 itu, Mr. P. Spicer pula telah dilantek memegang jawatan Pemangku Pegawai Pelajaran Negeri Brunei menggantikan tempat Mr. H.J. Padmore, Pegawai Pelajaran Negeri yang sedang berchuti panjang.

PENUNTUT2 BRUNEI BERJAYA MELANJUTKAN PELAJARANKA COLLEGE ISLAM MALAYA

Menurut satu kawat yang baharu sahaja diterima oleh Pejabat 'Adat Istiadat, Ugama dan Kebajikan Negeri, empat orang penuntut2 dari Brunei yang telah belajar diSekolah Arab Aljunid, Singapura atas perbelanjaan perchuma dari Kerajaan Brunei telah berjaya dipileh untuk melanjutkan pelajaran mereka ka College Islam Malaya di-Klang, Selangor, Persekutuan Tanah Melayu.

9 ORANG GURU2 UGAMA DARI MALAYA SEDANG MENGAJAR DI BRUNEI

Sembilan orang Guru2 Ugama dari Negeri Johore, Persekutuan Tanah Melayu telah tiba diBrunei pada bulan September yang lalu, dan pada masa ini sedang mengajar dibeberapa buah Sekolah diNegeri ini.

Guru2 Ugama tersebut ialah Inche' Abdul Rahman bin Haji Hashim, Inche' Abdul Wahid bin Surat, Inche' Mohamed Hanifah bin Halus, Inche' Adnan bin Mohamed Sharif, Inche' Juki bin Sulaiman, Inche' Mohamed bin Ramlan, Inche' Mohamed Zain bin Haji Yassin, Inche' Ahmad Marzuki bin Siraj, dan Inche' Tukisam bin Haji Yassin.

Inche' Abdul Rahman bin Haji Hashim sedang mengajar diSultan Omar Ali Saifuddin College, Bandar Brunei; Inche' Mohamed bin Ramlan, Inche' Mohamed Zain bin Haji Yassin dan Inche' Ahmad Marzuki bin Siraj sedang mengajar diSekolah Melayu Sultan Mohamad Jemal-ul-Alam, Bandar Brunei; Inche' Tukisam bin Haji Yassin sedang mengajar diSekolah Melayu Laila Menchanai, Kampong Ayer, Bandar Brunei; Inche' Juki bin Sulaiman sedang mengajar diSekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait; Inche' Adnan bin Mohamed Sharif sedang mengajar diSekolah Melayu Mohamed Alam, Seria; Inche' Mohamed Hanifah bin Halus sedang mengajar diSekolah Melayu Tutong; dan Inche' Abdul Wahid bin Surat sedang mengajar diSekolah Melayu Temburong.

Sementara itu adalah difahamkan bahawa Tuan Haji Othman bin Haji Mohamed Said, saorang bekas Pegawai Jabatan Ugama Negeri Johore, yang pada masa ini sedang bersara dari jawatan Kerajaan, telah dipilih oleh Pehak Yang Berkuasa Negeri Brunei untuk memegang jawatan sebagai Pengelola Pelajaran Ugama diBrunei.

Tuan Haji Othman akan tiba diLabuan dari Singapura dengan kapal Kimanis pada hari Thalatha 16 October dan akan tiba diBrunei pada hari Rabu 17 October. Beliau akan berkhidmat disini dari 6 hingga 8 bulan dan dalam masa ini, Tuan Haji Othman akan bertanggong jawab dalam hal ehwal menyusun chara2 pelajaran Ugama Islam yang akan diajar diSekolah2 diNegeri ini.

JEMA'AH2 HAJI DARI BRUNEI BAGI TAHUN HADAPAN

Menurut satu kenyataan yang diterbitkan oleh Pejabat 'Adat Istiadat, Ugama dan Kebajikan Negeri, bahawa hingga ka sa'at yang terakhir ini sajumlah 73 orang dari Brunei yang akan menunaikan fardzu Haji pada tahun hadapan telah pun mendaftarkan nama2 mereka dipejabat itu.

Seramai 152 orang dari seluroh Brunei telah menunaikan fardzu Haji pada tahun ini dan hanya 33 orang sahaja dari seluroh Negeri Brunei yang telah berangkat ka Tanah Suchi pada tahun 1955.

Pejabat 'Adat Istiadat, Ugama dan Kebajikan Negeri berharap bahawa bilangan bakal2 Jema'ah2 Haji pada tahun hadapan akan bertambah banyak lagi daripada tahun ini dan tahun2 yang lalu.

7  
KONGRES BAHASA DAN PERSURATAN MELAYU DI MALAYA  
BAHASA MELAYU MALAYA - INDONESIA AKAN DISATUKAN

Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Malaya Yang Ketiga yang telah dilangsungkan di Johore Baharu dan di Singapura selama 6 hari pada bulan yang lalu, mulai dari 16 hingga 21 September, 1956 telah bersetuju menubohkan satu Lembaga Bersama antara Malaya dan Indonesia untuk menyatukan bahasa kedua2 Negara tersebut.

Lembaga yang dichadangkan itu akan mempelajari dan menyelenggarakan tata-bahasa, istilah dan kamus mengenai kedua2 bahasa Melayu di Malaya dan bahasa Indonesia. Lembaga ini juga telah dipersetujukan oleh Kongres itu supaya bekerja sama dengan kedua2 Pemerentah tersebut dalam so' al itu.

Kongres tersebut telah dituna pada pagi hari Ahad 16 September oleh Ketua Menteri Persekutuan Tanah Melayu, Yang Teramat Mulia Tengku Abdul Rahman Putera di Bangunan Pejabat Besar Kerajaan Johore, di Johore Baharu dengan dihadziri oleh satu perhimponan yang ramai mengandongi Pembesar2 dari Malaya dan luar negeri; serta Wakil2 dan Pemerhati2 dari 61 buah Pertubuhan2 Bahasa, Kesenian dan Kebudayaan Melayu.

Wakil2 dari Brunei yang menghadziri Kongres itu ialah: Inche' Hussain bin Mohamed Yusuf dan Inche' Ibrahim bin Said, mewakili Persatuan Guru2 Melayu Brunei; Inche' H.M. Salleh dan Inche' Zainie bin Haji Ahmad, Wakil2 Party Ra'ayat Brunei; Inche' Abdul Rahman bin Haji Mohamed dan Inche' Akun bin Harinen, mewakili Sharikat Minyak British Malayan Petroleum Company Limited, Seria, dll. Kesemuanya itu telah selamat balek ka Brunei.

Rumi menggantikan Jawi sebagai Tulisan Rasmi

Diantara ketetapan2 yang telah diluluskan oleh Kongres itu ialah bahawa Tulisan Rumi hendaklah menggantikan Tulisan Jawi sebagai Tulisan Rasmi bahasa Melayu pada masa akan datang. Bagaimana pun, Kongres itu telah mengesurkan bahawa Tulisan Jawi hendaklah terus diajar di Sekolah2 Kebangsaan di Malaya, tetapi hanya sebagai satu pelajaran tambahan sahaja.

Berhubong dengan ejaan Tulisan Rumi Melayu, Kongres itu telah bersetuju dengan sabulat suara bahawa Tulisan Rumi Melayu dimasa hadapan akan mempunyai 2 macham rupa huruf "n" untuk menentukan bunyi2 bagi 2 huruf yang dijadikan satu, seperti "ng" dan "ny". Dengan hal yang sademikian, maka bahasa Melayu dan bahasa Indonesia yang berbeza2 sedikit tentang ejaan dan beberapa hal yang lain hendaklah disatukan, kerana asal serta dasar Bahasa Melayu dan bahasa Indonesia itu adalah satu dan sama sahaja.

Mengenai bunyi bahasa pula, Kongres itu telah bersetuju bahawa huruf hidup "a" dalam suku-kata hidup yang akhir dalam sesuatu perkataan hendaklah dibunyikan "ah" seperti perkataan "apa" dibunyikan "a - pah".

Satu lagi ketetapan yang telah dipersetujukan berbunyi bahawa hendaklah Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu membentuk satu Surohan Jaya bagi menyelideki bagaimana bahasa Melayu boleh dijadikan bahasa negara dalam masa yang sependeknya. Surohan Jaya itu hendaklah setaroh daripada anggota2nya dilantek oleh Badan Tetap Kongres dan setaroh lagi oleh Pemerentah.

Lembaga Tetap Kongres Bahasa

Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu tersebut telah bersetuju juga membentuk sebuah Badan Tetap Kongres itu dan dinamakannya, "Lembaga Tetap Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Malaya". Anggota2 Lembaga itu yang telah dilantek di Kongres tersebut ialah seperti dibawch ini:

Pengurus: Tuan Haji Zainal Abidin bin Ahmad (Za'ba); Naib Pengurus: Tuan Mohamed Noor bin Ahmad; Setia Usaha: Tuan Ramli bin Abdul Hadi, dan Penolongnya: Tuan Ariff Ahmad; Bendahari Ungku Abdul Aziz. Ahli2 Jawatan Kuasa: Tuan2 Asraf, Abdul Samad Ismail, Yusof Harun, Mohamed Sofi, Mahmud Ahmad, Zulkifli Mohamed, Amir bin Haji

Omar, Harun Mohamed Amin, Lokman Musa; Puan2 Ibu Zain dan Kontek Kamariah.

Kongres itu telah bersetuju bahawa Ibu Pejabat Lembaga Tetap tersebut ialah diUniversity of Malaya.

### Dewan Bahasa dan Pustaka

Sidang Penoh Kongres tersebut telah, dengan persetujuan ramai, membentuk "Dewan Bahasa dan Pustaka" sebagai pindaan nama dari kerjas kerja mengenai "Balai Pustaka", untuk melaksanakan perkembangan kebudayaan ra'ayat Tanah Melayu.

Tugas2 Dewan Bahasa dan Pustaka itu yang telah dipersetujui oleh Kongres itu, diantaranya, ialah Dewan itu hendaklah membongkar dan menyelidiki sastera Melayu lama; mempunyai kuasa menapis buku2 penerbitan luar negeri yang hendak digunakan oleh Jabatan Pelajaran disekolah2; membuat perentuan pemakaian bahasa (tata-bahasa); istilah2 dan perkara2 yang berkaitan dengannya untuk dilaksanakan dan diishtiharkan kepada awam; mengeluarkan hadiah2 kapada penchipta2 buku2 dalam bahasa Melayu dalam segala lapangan kapada Pengarang2 Melayu diPersekutuan Tanah Melayu, Singapura dan Borneo Utara dan kapada pengarang2 asing; memberi kerja sama kapada penerbit2 Melayu dan mengadakan buku2 yang jadi puncha ilmu pengetahuan terpenting saperti kamus, encyclopaedia; dan lainnya.

Dewan Bahasa dan Pustaka ini akan bertaraf sabuah Badan Awam yang berdasarkan kebangsaan dengan mempunyai dua per tiga anggota Lembaganya dari wakil ra'ayat. Jumlah Anggota Tadbir itu tidak lebih dari 15 orang manakala Menteri Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu akan dudok didalamnya sebagai Pengurusi. Lembaga itu akan mempunyai saorang Pengawas, saorang Wakil Kementerian Pelajaran, dan Wakil2 yang dilantek melalui Kongres2 Kebudayaan, Bahasa, Pelajaran dan Ugama Islam.

Untuk pengetahuan awam, keputusan penubohan "Dewan Bahasa dan Pustaka" itu adalah berdasarkan kapada rumusan atau kesimpulan dan keputusan2 yang timbul dalam perbahathan2 sidang bahagian.

### Upacara menganugerahkan gelaran "Pendita" kapada Za'ba

Upacara menganugerahkan gelaran "Pendita" kapada Tuan Haji Zainel Abidin bin Ahmad (Za'ba), Penshareh Kanan Bahasa Melayu diUniversity of Malaya, telah dilangsangkan pada petang hari Juma'at 21 September diIstana Besar Johore, diJohore Baharu, iaitu hari akhir Kongres tersebut dengan dihadziri oleh kira2 saribu orang wakil2, pemerhati2 dan ahli2 jemputan khas dari Singapura, Persekutuan Tanah Melayu, Brunei, Sarawak, Borneo Utara, Indonesia dan England.

Tuan Mohamed Noor bin Ahmad, Naib Pengurusi Lembaga Tetap Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Malaya, ketika menganugerahkan kehormatan tersebut telah menyatakan bahawa disa'at sidang Kongres menutop Kongres yang bersejarah itu, bertemu lah mereka dengan titek baharu dalam sejarah perlumbaan bahasa dan persuratan Melayu dan dengan Kongres itu sampailah mereka kapada satu kemonchak dari perjuangan yang dimulakan oleh nenek moyang mereka, iaitu dari sajak Zaman Tun Seri Lanang, membawa kapada Zaman Abdullah Abdul Kader Munshi dan lalulah kapada Zaman Syed Sheikh Alhady, menjelang pula kapada Zaman Abdul Rahim Kajai.

"Sakalian mereka ini", tegas Tuan Mohamed Noor, "merupakan Lambang dari perjuangan bahasa dan persuratan Melayu diTanah Ayer kita yang amat kita junjung tinggi. Sekarang ini mulalah kita dengan satu Zaman Baru - Zaman Bahasa Melayu dan Kesusastraan Melayu bertumbuh dan berpadu, berdaulat dan dijunjung tinggi pula oleh 80 juta saudara dua sabaya kita Bangsa Indonesia dari Sabang sampai ka Maraueki. Satelah melalui zaman2 ini, Lambang itu tumbuh semula membawa semangat dan perjuangan yang sudah didokong oleh pahlawan2 bahasa kita yang sudah hilang itu. Lambang itu kita dirikan pada hari ini ditengah2 semangat seluroh bangsa Melayu yang menghendaki bahasa dan kesusastraan tinggi berdaulat. Dan ini sesuai pula dengan kebulatan azam bangsa Melayu untuk berdiri sebagai suatu bangsa yang merdeka dan berdaulat."

"Diantara deruan angin ..."

Diantara deruan angin diSelat Melaka, diantara kochakan ombak dan air yang memisahkan kita dengan kepulauan Indonesia, maka dengan ini Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Malaya yang ketiga menganugerahkan kehormatan dengan meletakkan Lambang dan Tonggak Bahasa dan Kesusasteraan Melayu kepada Tuan Haji Zainal Abidin bin Ahmad (Za'ba).

Bahawa dengan ini diantiharkan gelaran PENDITA kapada yang mulia Tuan Zainal Abidin bin Ahmad (Za'ba) ".

### DATO' ABDUL RAZAK DIRA'IKAN DIBRUNEI

Menteri Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu, Yang Berhormat Dato' Abdul Razak bin Dato' Hussain, yang telah melawat Brunei sebagai tetamu kapada Duli Yang Maha Mulia Sultan pada masa sambutan Hari Ulangan Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia pada minggu yang ketiga bulan yang lalu, telah dira'ikan oleh beberapa badan2 diBandar Brunei.

Dato' Abdul Razak telah tiba diBrunei dengan kapal terbang dari Singapura melalui Labuan pada 22 September dan telah balek ka Malaya pada 25 September.

Pada 24 September beliau dira'ikan disatu Majlis Jamuan Satay oleh orang2 dari Malaya diBrunei Sports Club. Majlis itu telah dihadziri oleh Pesuroh Jaya Tinggi Negeri Brunei, Tuan Yang Terutama Sir Anthony Abell; British Resident Brunei, Yang Berhormat Mr. D.C. White; Dato' Bandar Sarawak, Yang Berhormat Abang Haji Mustafa; beberapa orang kerabat diRaja Brunei; Ketua2 Pejabat2 Kerajaan dan lainnya.

Dalam uchapananya yang rengkas diMajlis tersebut, Dato' Abdul Razak meminta' kapada orang2 dari Malaya yang sedang berkhidmat diBrunei supaya berkhidmat dengan tekon serta ta'at setia kapada Sultan, Kerajaan dan ra'ayat jelata Negeri ini, sebagai salah satu daripada bantuan2 dari Malaya terhadap jiran2nya.

Pada petang hari itu, beliau dira'ikan oleh Persatuan Kesatuan Islam, Brunei dengan mengadakan Majlis Jamuan Teh diSnowman Restaurant.

Ketika memberi uchapan diMajlis tersebut, Dato' Razak menyatakan bahawa beliau berasa sukachita menyaksikan yang Negeri ini sedang maju didalam berbagai2 lapangan. Oleh kerana pelajaran Ugama sangatlah mustahak dalam sasabuah negeri, tegasnya, ia juga berasa sukachita menyaksikan bahawa Negeri Brunei tidaklah ketinggalan dalam so'al mengenai pelajaran Ugama dan diperchayai Malaya akan memberi pertolongan mengenai perkara itu kapada Negeri ini pada bila2 masa yang dikehendakinya.

Pada malam itu pula Persatuan Guru2 Melayu Brunei telah mera'ikan Dato' Razak dengan satu Majlis Jamuan Makan diSekolah Melayu Sultan Mohamed Jemal-ul-Alam, Bandar Brunei. Diantara yang hadzir diMajlis itu ialah Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara, Wazir Yang Pertama Negeri Brunei; Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha, Wazir Yang Kedua Negeri Brunei; Yang Mulia Pengiran Maharaja Laila; dan Yang Mulia Pengiran Kerma Indra.

### PEGAWAI2 BAHARU PERSEKUTUAN PALANG MERAH BANDAR BRUNEI

Persekutuan Palang Merah British, Bahagian Bandar Brunei, dalam satu upacara sedikit hari dahulu, telah melantek 4 orang Pegawai2nya yang baharu, iaitu Inche' Abdul Ghani bin Jamil sebagai Pengarah; Inche' Abdul Rahman bin Rahmat sebagai Commandant; Inche' Raffer sebagai Penolong Commandant; dan Inche' Yusuf bin Mohamed sebagai Pegawai Yang Kanan Persekutuan itu.

Dengan terlanteknya Inche' Abdul Rahman bin Rahmat sebagai Commandant yang baharu bagi Persekutuan Palang Merah tersebut, maka Ahli2 Persekutuan itu akan ...

Persekutuan itu akan dapat latehan yang tinggi dalam hal ehwal berbaris, kerana Inche' Rahman adalah mempunyai pengalaman yang luar dalam hal ehwal berbaris. Sabelum tiba diBrunei untuk berkhidmat sebagai Inspektor Kenderaan2, Inche' Rahman telah menjadi saorang Lieutenant dalam Pasukan Askar Melayu diMalaya dan pada masa ini beliau telah bersara dari Askar Melayu itu.

### DUKE OF EDINBURGH TIDAK DAPAT TIBA DIBRUNEI BULAN HADAPAN

Setia Usaha Negara bagi Jajahan Ta'lok telah mengirimkan sapuchok kawat kapada Pehak Yang Berkuasa Negeri ini menyatakan bahawa Yang Teramat Mulia Duke of Edinburgh, suami kepada Duli Yang Maha Besar Baginda Queen Elizabeth II, berasa dukachita kerana tidak dapat melawat Negeri ini dalam masa perjalanananya ke Australia pada bulan hadapan.

Selanjutnya kawat itu berbunyi bahawa Duke of Edinburgh menguchapkan terima kaseh kapada Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei atas jemputan Baginda kapadanya untuk melawat Brunei pada masa perjalanananya ke Australia kerana menghadziri Temaaha Olah Raga Saduria yang akan dilangsangkan dikota Melbourne. Duke of Edinburgh sangatlah sukachita hendak melawat Brunei, Sarawak dan Borneo Utara, tetapi oleh kerana kapal diRaja "Britannia" sedang digunakan oleh Baginda Queen, maka Yang Teramat Mulia itu berasa dukachita tidak dapat menerima jemputan dari Duli Yang Maha Mulia Sultan.

### CHUTI HARI SAFAR

Ramai orang Islam diBrunei telah mera'ikan Hari Safar yang jatohnya pada hari Rabu 3 October, 1956 dengan mengadakan perkelanjutan dipantai2 dan dilain2 tempat dengan sechara besar2an.

Boleh dikatakan bahawa kebanyakan penduduk2 diBandar Brunei telah pergi berkelah dipantai Muara, Penanjong, Tutong, dll. Kawasan Tasek Brunei juga, telah tidak ketinggalan dikunjungi oleh ramai para penduduk disini.

### KAPAL TERBANG "DAKOTA" MENDARAT DIBRUNEI

Sabuah kapal terbang jenis "Dakota" kepunyaan Sharikat Malyan Airways telah mendarat diPadang Kapal Terbang Brunei baru2 ini dalam satu penerbangan perchobaan.

Penerbangan itu telah beroleh hasil yang baik dan penerbangan yang tetap akan dimulai pada 1 November akan datang, iaitu dari Brunei terus ka Sibu, Kuching dan ka Singapura.

### KAPAL TERBANG "VALETTA" TIBA DIBRUNEI

Dua buah kapal terbang jenis "Valetta" kepunyaan Tentera Udara diRaja dari Pusat Perhentian Timor Jauh telah tiba diBrunei pada 24 September yang lalu dengan membawa Pasukan Pancharagam Tentera Udara diRaja yang telah bermain diPadang Bandar Brunei pada petang hari itu.

Pada kaesokan harinya, engine sabuah daripada kapal2 terbang itu telah rosak dan kapal terbang itu tidak dapat berangkat ka Singapura. Bagaimana pun satu engine yang baharu telah dibawa dari Sirsgapura dan satelah dipasangkannya kapal terbang itu berangkat ka Singapura.

UNDANG2 BAHARU MAJLIS UGAMA DAN 'ADAT ISTIADAT NEGERI BRUNEI

( Sambongan dari Pelita Brunei No. 16 )

Surat akuan yang dikeluarkan itu hendaklah didaftarkan sa-  
olah2 telah berlaku suatu percherai.

Pendaftaran mana2 perkara yang dikehendaki didaftarkan di-  
bawah bahagian ini hendaklah disifatkan telah berlaku dengan sem-  
purnanya apabila surat akuan yang akan dikeluarkan oleh pendafta-  
ran telah dipenohkan berhubung dengan perkara ini.

Sebagai tambahan kapada pendaftaran dibawah Undang2 menge-  
nai perkara ini, maka tiap-tiap Kathi hendaklah menyimpan daftar2  
didalam buku perkahwinan dan cherai dalam borang2 yang terkandong  
dalam Undang2 yang mengandungi kenyataan dari kesemua perkara yang  
telah didaftarkan sebagai mana yang tersebut oleh sakalian pendaf-  
tar2 didalam kawasan perentahnya, termasuk sekali perkara2 yang ia  
sendiri telah mendaftarkannya.

Hendaklah tiap-tiap pendaftar yang lain daripada Kathi, se-  
kurangnya sekali didalam tiap-tiap bulan dan sebagainya tambahan  
pada bila-bila masa apabila jumlah wang yang dipungut olehnya ka-  
pada Kerajaan berhabbit dengan belanja2 yang diterima dibawah ba-  
hagian ini lebih daripada \$ 50, serahkan kapada Kathi didalam ja-  
jahannya itu kesemua buku2 surat akuan yang digunakan olehnya itu  
sebagai pendaftar dan bayaran kapada Kathi itu, atau pun jumlah  
yang telah disahkan kena dibayar diatas hitungan yang terhak ka-  
pa da Kerajaan berhabbit dengan belanja2 yang tersebut dahulu itu:

Dengan sharat bahawa jika menjadi kepayahan kerana kiriman  
buku2 yang digunakan olehnya sebagai pendaftar, bolehlah Majlis  
'Adat Istiadat dan Ugama Negeri ini membenarkan pendaftar itu me-  
nyerah buku2 dan wang2 itu kapada Penghulu Daerahnya dan hendak-  
lah Penghulu itu didalam hak itu menyerahkan barang2 itu kapada  
Kathi.

Hendajlah Kathi, satelah menanda tangan semua kenyataan yang  
berhabbit didalam daftarnya, mengirimkan balek buku surat akuan yang  
sedang digunakan itu kapada pendaftar2, akan tetapi hendaklah Kathi  
itu menyimpan salinan2 buku itu selama lima tahun mulai dari tarikh  
yang akhir sekali diperbuat sademikian.

Mana2 surat akuan yang telah dikeluarkan dibawah bahagian ini  
dan dibuat didalam daftar Kathi hendaklah menjadi keterangan yang  
sopenoh diatas kebenaran dengan perkara2 yang disebutkan didalamnya  
dikehualikan telah disah mengandungi mana2 kesalahan.

Satelah habis tempoh 5 tahun daripada masa yang dilakukan per-  
kara tersebut, maka suatu permasukan didalam daftar Kathi yang dibuat  
dibawah bahagian ini hendaklah menjadi keterangan yang sah mengenai  
perkara2 tersebut didalamnya dan tidaklah akan diterima apa2 ketera-  
ngan yang berlawanan dengannya.

Apabila mana2 orang telah menjual apa2 barang yang berlawanan  
dengan sharat2 yang mengandungi didalam Undang2 sebagai saorang pe-  
kerja kapada orang lain, maka hendaklah disifatkan bahawa orang itu  
melakukan kesalahan dan telah menyebabkan kejadiannya dengan jalan  
bersabahat dikehualikan ia menunjukan dalil bahawa kesalahan itu  
telah berlaku dengan tidak disuroh olehnya, satahunya atau persetu-  
juannya, dan ia telah menjalankan usaha dengan sachukup bagi mengi-  
lak akan kejadian itu.

Barang siapa yang telah tidak tinggal bersama isterinya mengi-  
kut Hukum Shara' dan apakala telah diperentah oleh Mahkamah menyu-  
roh ia balek atau enggan menurut perentahan itu akan bersalah : hu-  
kuman penjara satu bulan atau denda sabanyak \$ 100.

"SELAMAT TINGGAL BRUNEI-SARAWAK-BORNEO UTARA"-MONTGOMERY

Mr. James Sykes Montgomery, Pegawai Pembahagian Barang2 Negeri yang juga memegang jawatan Pengawas Gudang2 Kerajaan Negeri Brunei samenjak bulan April, 1952 akan berangkat ka United Kingdom pada minggu ini kerana menyempornakan chiti panjangnya dan terus bersara.

Menerusi PELITA BRUNEI, Mr. Montgomery menguchapkan Selamat Tinggal kapada kesemua sahabat handainya dari degala bangsa yang tinggal diseluroh Negeri Brunei, Sarawak dan Borneo Utara.

Mr. Montgomery, yang pada masa ini berumur hampir 67 tahun, telah mulai tiba diBrunei pada bulan January tahun 1915, dan samenjak masa itu beliau telah memegang berbagai2 jawatan dikawasan2 Borneo British.

TAMBANG KAPAL KERAJAAN BRUNEI - TEMBURONG DIKURANGKA

Kerajaan Brunei telah mengurangkan tambang2 perkhidmatan kapal Kerajaan yang berulang alek diantara Brunei dan Temburong. Tambang dari Tambatan Customs, Bandar Brunei ka Limbang pada masa sekarang ialah \$ 1.50 dan dari Limbang ka Temburong, \$ 2.00.

Pada masa perkhidmatan pelayaran kapal itu dimulakan pada 17 August tahun ini, tambang bagi saorang penumpang dari Brunei ka Temburong, atau diantara mana2 pelabuhan diantara kedua2 pelabuhan ini ialah sabanyak \$ 5.00.

PERTANDINGAN2 BOLA SEPAK DAN BADMINTON

P.W.D. BRUNEI MENGALAHKAN P.W.D.

KUALA BELAIT

Kira2 2,000 orang telah menyaksikan Pasukan Bola Sepak Pejabat Kerja Raya ("P.W.D.") Bandar Brunei mengalahkan Pasukan Bola Sepak Pejabat Kerja Raya, Kuala Belait dalam satu pertandingan bola sepak se secara persahabatan dengan 2 gol tidak berbalas diPadang Bandar Brunei pada petang hari Sabtu 13 October, 1956.

Meskipun pasukan para pelawat itu telah kalah, tetapi ahli2nya telah bermain dengan chergas sahingga ka sa'at yang akhir dan begitu juga penjaga golnya telah dapat menyelamatkan anchaman yang marabahaya. Disamping itu, pemain2 pasukan tempatan juga telah bermain dengan sama-sakata dan tidak putus asa hendak menambahkan lagi gol kemenangannya.

Mr. L.H. Hyett, Pemangku State Engineer telah mengadilkan pertandingan tersebut.

Pada hari itu juga Pasukan Badminton Pejabat Kerja Raya, Bandar Brunei telah mengalahkan Pasukan Badminton Pejabat Kerja Raya, Kuala Belait dengan 4 perlawanan berbalas 1 dikawasan Rumah Teck Guan, Bandar Brunei, dengan disaksikan oleh ramai penggemar2 badminton.